

## *Penggunaan Strategi 'Apa-Isi-Kaitan' Dalam Pengajaran Kefahaman Objektif*

**Rozanah Hj Kasnan**

rozanah\_kasnan@schoools.gov.sg

**Azhar Abdul Rashid**

azhar\_abdul\_rashid@schoools.gov.sg

**Sekolah Rendah East Coast**

### *Abstrak*

Murid-murid Darjah 3 sering menghadapi kesukaran untuk menjawab soalan-soalan kefahaman. Peringkat ini merupakan peringkat pertama kali murid-murid Darjah 3 didedahkan kepada teks berbentuk fakta yang merupakan salah satu komponen dalam kertas peperiksaan. Murid-murid tidak dapat memahami dan mengenal pasti isi-isi penting yang terdapat dalam teks. Kertas kajian ini menjelaskan strategi pengajaran yang digunakan bagi membimbing murid-murid mengenal pasti dan memetik idea-idea utama yang terkandung dalam petikan karangan. Murid-murid dibimbing cara mengupas isi atau maklumat yang diperlukan bagi menjawab soalan-soalan kefahaman. Kajian yang pernah dijalankan turut mengetengahkan strategi Lihat-Fikir-Tanya, pendekatan Pembelajaran Kooperatif, arahan pelbagai dan sebagainya yang dapat menggalakkan murid untuk memahami dan merumus idea. Strategi Apa-Isi-Kaitan ringkasnya A-I-K digunakan dalam pengajaran untuk menjelaskan konsep pemahaman seluruh petikan bermula dari asas lagi agar murid dapat mencerna soalan sekaligus mendapatkan jawapan kefahaman objektif seperti mana yang diperlukan.

Kata Kunci: kefahaman objektif, kait, inferens, pembelajaran kooperatif



## PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan usaha dan proses kolaboratif yang sistematik untuk meningkatkan pencapaian matlamat pembelajaran murid menerusi pengajaran yang berkesan. Kajian ini dilaksanakan sebagai sebahagian usaha pendekatan seluruh sekolah dalam memantapkan strategi yang berstruktur yang guru laksanakan bagi membantu murid.

Murid Darjah 3 agak baru didedahkan pada tugas menjawab soalan kefahaman objektif berdasarkan teks jenis faktual. Kajian ini berpusatkan pada kefahaman objektif kerana pencapaian murid tidak begitu menggalakkan pada Darjah 5. Murid-murid tidak dapat menggarap idea penting dalam teks kefahaman. Lantas guru mahu membimbing murid pada peringkat yang lebih rendah iaitu Darjah 3 supaya mereka dapat mengukuhkan keupayaan mereka pada peringkat yang lebih tinggi.

Kemahiran membaca merupakan kemahiran asas yang penting bagi menangani apa juga persoalan yang berkaitan dengan pemahaman teks. Soalan jenis inferens lazimnya mencabar keupayaan murid kerana soalan-soalan jenis ini memerlukan daya pemikiran yang tinggi. Oleh itu, merangsang minda pada aras pemikiran tinggi patut menjadi usaha teras para pendidik. Guru perlu memikirkan strategi yang relevan, bermakna lagi berkesan.

Pendekatan induktif digunakan bagi menggalakkan budaya berfikir dalam kalangan murid. Guru berperanan sebagai agen motivasi dan bertanggungjawab membangunkan minat murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu menerusi teknik menyoal secara bertahap-tahap atau secara perancangan.

Konsep *Chunking of texts* atau pemenggalan teks telah dimanfaatkan dalam usaha ini. Hal ini penting bagi memperlengkap murid-murid dengan tuntutan soalan yang dikemukakan pada akhir teks. Video yang digunakan dalam bahagian induksi merupakan antara bahan konkrit untuk memperkenalkan konsep inferens. Teks dipenggal dan sekali gus dilabelkan dengan akronim A-I-K bagi membimbing pemahaman murid.

## PERNYATAAN MASALAH

Soalan-soalan kefahaman berbentuk beraneka pilihan (MCQ) biasanya dikemukakan secara tersusun. Khususnya bagi dua soalan pertama, jawapan boleh didapati dalam dua perenggan terawal. Murid seharusnya mampu menjawab semua soalan dengan tepat. Namun, guru mendapati murid gagal



membuat inferens pada keperluan soalan, lantas mereka memberi jawapan yang salah. Melalui kaedah terancang atau Strategi A-I-K, kelakonan murid dipantau secara sistematik bagi memastikan tahap pemahaman teks pada setiap perenggan.

Oleh sebab murid kurang membaca, kosa kata mereka agak terhad lantas sering menghadapi masalah untuk memahami isi kandungan teks. Sekiranya masalah ini tidak ditangani pada peringkat awal, ia akan berlarutan sehingga ke peringkat seterusnya. Kertas kajian ini mengemukakan panduan cara membaca secara berkesan walaupun dengan kosa kata yang terhad. Hal ini diharapkan dapat meningkatkan keyakinan murid.

Murid-murid Darjah 3 didedahkan pada teks kefahaman faktual buat pertama kali. Sekiranya murid-murid berjaya menangani teks kefahaman objektif, mereka dipercayai mampu menangani tuntutan soalan kefahaman subjektif yang turut didedahkan dengan secara berstruktur. Ini bermakna Strategi A-I-K dapat menangani dua komponen peperiksaan pada satu masa.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk membina pengetahuan murid memahami teks dan meningkatkan kebolehan murid menjawab soalan kefahaman objektif dengan mengaplikasikan teknik mudah lagi tersusun.

Fokus kajian adalah murid dapat:

1. mengenal pasti isi-isi penting dalam teks faktual;
2. mengaitkan isi (I) dengan idea utama (A); dan
3. menyambungkan isi-isi yang terdapat dalam satu perenggan dengan perenggan seterusnya.

## **KAJIAN LEPAS**

Pada dasarnya, murid yang mempunyai masalah pembelajaran dalam kefahaman membaca mempunyai kesukaran untuk memahami idea-idea penting dalam petikan karangan. Sesetengah murid pula menghadapi kesukaran dalam kemahiran-kemahiran asas seperti mengecam perkataan selain boleh membaca tetapi tidak memahami atau mengingati apa yang mereka baca.

Menurut Yuill dan Oakhill (1988), murid yang didedahkan kepada kemahiran inferens menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam menjawab



soalan kefahaman daripada mereka yang tidak mengikutinya. Dapatlah dirumuskan bahawa kefahaman harus diajar secara eksplisit agar pemahaman teks dapat dipertingkatkan.

Menurut Jonassen (1996), peranti dan program ICT berperanan sebagai alat kognitif yang dapat merangsang manusia untuk berfikir. ICT merupakan rangsangan intelektual yang menyokong pembinaan ilmu secara individu mahupun kolaboratif. Oleh itu, peranti dan program ICT yang sesuai digunakan oleh guru sebagai alat bantu mengajar. Yang penting, guru harus menggunakan alat atau teknologi yang sesuai dengan proses pembelajaran yang diinginkan. Dalam konteks ini, guru memilih iPad untuk menyokong pembelajaran murid bagi meningkatkan daya berfikir mereka.

Brown (2007) berpendapat bahawa teknik anotasi dapat membantu murid membaca. Brown banyak menggunakan teknik bertanya dalam membimbing murid mengaitkan apa yang dibaca dengan pengetahuan sedia ada murid. Carol Porter-O'Donnel (2004) pula menggunakan teknik anotasi dalam membantu murid memahami teks bacaan dan pemahaman. Murid dilatih membuat catatan yang bermakna semasa menjalankan aktiviti membaca. Daripada kedua-dua kajian ini, bolehlah disimpulkan akan pentingnya murid mempunyai kemahiran melakukan anotasi.

Dalam kajian ini, guru memperkenalkan A-I-K sebagai satu strategi menangani masalah pemahaman terhadap teks kefahaman berbentuk faktual. Ini sejajar dengan kajian dan dapatan daripada Muslizaira Mustapha (2011) yang menekankan penggunaan akronim bagi memudahkan penghafalan maklumat-maklumat penting dalam teks.

Prinsip pembelajaran yang menjadi teras kajian dan aktiviti pembelajaran akan dibentangkan dalam kertas kerja ini.

## **KAEDAH KAJIAN**

Unit Bahasa Melayu Sekolah Rendah East Coast menjalankan Kajian Pengajaran sebagai sebahagian cara mempertingkatkan mutu pengajaran guru bagi menganalisis keupayaan murid secara berperingkat.



## Rajah 1 : Proses Kajian Pengajaran Strategi A-I-K



Guru mengenal pasti keperluan murid dalam menjawab soalan kefahaman objektif dengan menentukan kaedah berstruktur, iaitu dengan menggunakan Strategi A-I-K. Pembinaan rancangan pengajaran dilakukan dengan terperinci bersama kesemua enam orang guru dalam unit Bahasa Melayu.

Kajian ini bermula pada Penggal 2 2018. Putaran Kajian Pengajaran dijalankan sebanyak dua kali. Kajian pertama dijalankan pada bulan April dan kajian pengajaran kedua, pada bulan Mei.

Guru-guru yang tidak terlibat secara langsung dalam kajian turut melakukan pemantauan sewaktu kajian pengajaran dilaksanakan. Setelah guru selesai menjalankan putaran kajian pengajaran yang pertama, kesemua guru pemerhati yang terlibat dalam kajian tersebut melakukan refleksi dan perkongsian tentang pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Melalui beberapa sesi perkongsian, guru mengetengahkan kelebihan dan kekurangan strategi yang dijalankan.

Guru pengkaji bagi putaran kedua melakukan sedikit perubahan setelah mendapat maklum balas daripada guru-guru pemantau. Kajian ini juga menerapkan elemen-elemen Amalan Pengajaran singapura (STP) bagi memastikan keutuhan proses PdP di bilik darjah.



**Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura**

<b>Proses Pengajaran</b>	<b>Aspek Pengajaran</b>	<b>Aktiviti Mengajar</b>
Pelaksanaan Pelajaran	AP 14: Merangsang Minat	AM 1: Menggunakan Cerita dan Imejan Minat murid dirangsang dengan menggunakan klip video Hari Kebangsaan. Video tersebut digunakan bagi mencetus rasa ingin tahu dalam kalangan pelajar di samping mengajak mereka untuk melontarkan pendapat mahupun pertanyaan bersangkutan topik perbincangan.
Penilaian dan Maklum Balas	AP 22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM 3: Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak Murid menunjukkan kemampuan mereka untuk mengaplikasikan teknik yang diajarkan guru. Bimbingan dan maklum balas guru akan diberikan sebelum diberikan 'tiket keluar'.
Penerangan dan Justifikasi	Senarai Semak digunakan untuk menilai tahap pemahaman murid terhadap teks. Guru dapat mengesan dan mengenal pasti cabaran yang mungkin dihadapi murid.  Murid melakukan refleksi dan memberi maklum balas ringkas kepada guru tentang keberkesanan pengajaran yang telah dijalankan	

### **Subjek Kajian**

Subjek kajian terdiri daripada 33 orang murid Darjah 3. Mereka tergolong dalam dua kumpulan di bawah bimbingan dua orang guru Bahasa Melayu yang berpengalaman. Murid-murid terdiri daripada pelbagai aras keupayaan. Murid-murid Darjah 3 didedahkan kepada teks kefahaman faktual buat pertama kali. Hipotesis guru adalah sekiranya murid-murid berjaya memahami kandungan teks kefahaman objektif, mereka akan berjaya memenuhi tuntutan menjawab soalan kefahaman subjektif dengan pendekatan yang berstruktur.

### **Instrumen Kajian**

Guru menggunakan Strategi A-I-K untuk mengenal pasti isi ataupun isi-isi dalam setiap perenggan.



**Jadual 2: Strategi Pengajaran Apa-Isi-Kaitan**

<b>Apa (A)</b>	Merujuk pada topik keseluruhan teks kefahaman yang diberikan. Topik utama akan memberikan gambaran awal inti pati atau tema teks kefahaman.
<b>Isi (I)</b>	Memerlukan murid untuk mengenal pasti isi-isi penting dalam setiap perenggan. Ini secara langsung merangsang murid untuk berfikir tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan topik utama atau tema. Murid diminta menyerlahkan isi-isi penting dengan membubuh akronim A-I-K dalam setiap perenggan.
<b>Kaitan (K)</b>	Apabila murid dapat kaitkan antara satu perenggan ke perenggan seterusnya, mereka akan dapati teks yang ditangani itu lebih mudah untuk difahami. Murid menggunakan anak-anak panah untuk membina kaitan dari satu perenggan ke satu perenggan yang lain.

Instrumen kajian yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Lembaran 1 - Bongkah Ais (Strategi A-I-K)
2. Lembaran 2 - Senarai Semak Petikan
3. Lembaran 3 - Petikan kefahaman berserta soalan-soalan kefahaman objektif
4. Tiket Keluar
5. ICT – penggunaan iPad, *Mentimeter*
6. Data markah bagi Ujian Penggal 1, SA1 dan SA2
7. Borang maklum balas pencerapan

### **Prosedur Kajian**

Guru menayangkan klip video sebagai bahan induksi bagi merangsang minat murid tentang Hari Kebangsaan Singapura. Guru menanyakan soalan-soalan ransangan asas seperti “Apa yang kamu lihat?”, “Mengapa Hari Kebangsaan disambut?” dan “Apa yang ingin kamu tahu tentang Hari Kebangsaan?” - Menggunakan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya yang terdapat dalam Menjadikan Pemikiran Jelas (MTV).

Guru menggunakan pendekatan Pembelajaran Koperatif sebagai satu strategi bagi memastikan pelibatan murid secara keseluruhan. Secara berpasangan pula, murid diberikan iPad dan daftar masuk ke *Mentimeter*. Murid akan memasukkan jawapan bagi soalan sementara guru ‘menayangkan’ jawapan yang diberikan.

Catatan jawapan murid memberikan gambaran yang cukup memberangsangkan. Rata-rata murid berasa seronok melihat jawapan rakan



sebaya mereka dimuat naik di skrin. Murid membaca, lantas memberi reaksi secara spontan.

Menurut Colleen Johnson (2002), pembelajaran yang berkesan harus memberi ruang dan masa bagi kepada murid agar mereka dapat berfikir secara lebih mendalam bagi membina pemahaman dan menyediakan jawapan mereka. Perkara ini digunakan sepenuhnya oleh guru yang mengajar.

Bagi murid-murid yang mempunyai kesukaran untuk memberi jawapan secara spontan, mereka diberi bimbingan dan galakan. Guru memainkan peranan sebagai pemudah cara dan merangsang murid agar tidak mudah berputus asa.

### *Langkah 1*

Guru menggunakan *Mentimeter* dan iPad sebagai induksi untuk memulakan pengajaran pada hari tersebut. Dalam aktiviti yang dijalankan, murid dapat menilai kembali perkara baharu yang dipelajari. Respons murid yang dimuat naik dalam *Mentimeter* menjadi perkongsian antara guru dan murid secara spontan. Berkongsi secara maya membuat minda bergerak secara aktif dan membuahkan minat yang mendalam. Penjanaan idea yang berlaku secara serentak memberikan fokus yang lebih baik kerana menjadi tatapan rakan sekelas pada masa yang sama.

Dengan penggunaan teknologi maklumat, murid memupuk sifat bertanya untuk mendapatkan sebab dan bukti. Hal ini berlaku apabila mereka melihat respons rakan-rakan di skrin. Menilai usaha sesama murid dan mengetahui pandangan rakan sendiri menjadikan pembelajaran bersifat interaktif.

Dalam pengenalan kepada penggunaan Strategi A-I-K, guru memberikan teks berbentuk satu perenggan untuk murid baca secara senyap. Dengan menggunakan gambar bongkah ais yang dibahagi kepada tiga, guru memulakan dengan menunjukkan bahagian atas bongkah ais sahaja.

Guru menjelaskan tentang pecahan akronim A- iaitu 'Apa'. Guru bersama murid mencari isi utama dalam perenggan pertama. Guru mendapatkan respons yang pelbagai daripada murid mengenai isi yang ada. Dalam teks yang diberi, isi utamanya ialah Hari Kebangsaan. Setelah seluruh kelas setuju dengan isi utama, guru melanjutkan perbincangan kepada bahagian yang kedua bongkah ais, pecahan akronim -I- iaitu, 'Isi'. Guru mendapatkan respons daripada murid mengenai isi atau isi-isi penting dalam perenggan yang sama.





## *Langkah 2*

Guru memberikan teks petikan penuh kepada murid untuk dibaca secara senyap. Murid mula membaca satu perenggan dahulu. Guru mengklasifikasikan Strategi A-I-K secara tuntas. Guru menggunakan strategi pengajaran secara eksplisit (*I-Do, We-Do, You-Do*). Murid diminta mencari A (Apakah idea utama) dan mengklafikasikan I (Isi yang terdapat dalam teks) dengan membubuh akronim A dan I. Semasa menjalankan aktiviti tersebut, guru memberi beberapa soalan bimbingan berdasarkan 5W1H.

## *Langkah 3*

Pembelajaran kooperatif disisipkan semasa kerja berkumpulan. Teks penuh yang bertemakan Hari Kebangsaan diberikan untuk murid kupas. Guru memberi masa agar murid-murid dapat membaca perenggan kedua. Mereka kemudiannya mengaplikasikan Strategi A-I-K. Guru bergerak dari satu kumpulan ke kumpulan yang lain seraya memantau tugas yang diberi secara rambang. Dalam masa yang sama, guru dapat menilai pemahaman murid dalam menyelesaikan tugas.

## *Langkah 4*

Murid diberikan teks kefahaman penuh sebagai latihan. Bagi menilai pemahaman, murid diberikan borang senarai semak. Senarai semak khusus yang diberikan ini memerlukan murid mencatatkan jawapan bagi soalan yang diajukan, bukan setakat membubuh tanda betul. Ini dapat menggalakkan murid untuk membiasakan diri dengan penggunaan strategi A-I-K.

## *Langkah 5*

Guru memeriksa senarai semak bagi mengenal pasti murid yang menghadapi kesukaran mengisi borang dengan berkesan, dan terus mengambil langkah untuk menangani kelemahan ini dengan menunjukkan cara melakukannya secara individu. Dengan panduan guru yang lebih terperinci, setiap murid dapat dibantu.

## *Langkah 6*

Murid mengaplikasikan strategi A-I-K bagi seluruh teks. Bagi setiap perenggan, kedua-dua guru dan murid akan menyerlahkan satu perkataan / frasa penting secara bersama. Dari satu perenggan ke satu perenggan, murid kemudiannya membuat kaitan (K) dengan menggunakan anak panah.



Guru bertanya kepada murid akan kepentingan anak-anak panah tersebut. Murid perlu memahami kepentingan anak-anak panah untuk menyambung satu idea dengan idea yang lain agar rentetan dan hubungan fakta dapat dilihat. Strategi menyambung idea ini penting dalam mendedahkan ilmu yang bermakna. Ini dapat membantu menjelaskan idea dengan usaha menghubungkan isi seperti yang dilakukan oleh pembaca.

### *Langkah 7*

Setiap murid diberi 'tiket keluar' bagi memastikan murid-murid telah memahami apakah itu strategi A-I-K, dan menggunakannya dengan berkesan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian dalam bentuk data, maklumat dan maklum balas daripada guru pemantau cukup memberangsangkan. Guru pemantau mendapati semua murid terlibat secara aktif dalam proses PdP. Klip video merangsang minat murid dan memudahkan pemberian kosa kata yang berkaitan. Pembelajaran berjalan dengan lancar kerana setiap murid terlibat, malah berebut-rebut memberikan kosa kata yang 'ditayangkan' secara langsung. Guru pemantau mendapati penggunaan visual membantu murid mengenal pasti situasi yang guru terangkan secara verbal.

Strategi yang digunakan berjaya melibatkan murid secara aktif menerusi langkah yang berstruktur dan terancang dalam melaksanakan strategi A-I-K. Pelibatan murid telah meningkatkan lagi keyakinan diri mereka. Pada masa yang sama, strategi tersebut telah dapat memenuhi keperluan murid yang berbeza dari segi keupayaan dan kebolehan.

Dengan melaksanakan strategi A-I-K, guru dapat bertindak sebagai pemudah cara pembelajaran dan memberikan ruang dan peluang kepada murid untuk belajar secara sendiri dan kolaborasi.

Semakan 'tiket keluar' menunjukkan bahawa kebanyakan murid faham dan dapat menggunakan strategi A-I-K. Beberapa orang murid juga memberi maklum balas bahawa strategi baharu ini dapat membantu mereka memetik isi-isi penting yang kemudiannya membantu memahami teks secara sistematik.

Kegiatan berpusatkan murid berjaya meningkatkan minat mereka. Bahasa mudah bersesuaian dengan peringkat Darjah 3 digunakan sebagai alat untuk menjana idea. Antara kendala yang dihadapi semasa menjalankan



strategi ialah masa pengajaran dan pembelajaran yang terhad dan masa untuk memasuki ke laluan *Mentimeter* agak lama.

Guru juga menghadapi cabaran-cabaran lain seperti pemantauan prestasi hanya dapat dilakukan di bilik darjah. Ibu bapa kurang memainkan peranan membimbing anak-anak semasa mereka di rumah. Berdasarkan kepada profil murid, pembelajaran secara sendiri merupakan sesuatu yang amat mencabar. Tambahan pula, guru boleh mengajar secara efektif dalam bilik darjah tetapi ada murid yang tidak dapat mengaplikasikannya dengan baik. Seterusnya, terdapat murid yang mengaplikasikan strategi tanpa pemahaman yang tepat.

Keseluruhannya, murid-murid didapati dapat memahami teks dengan lebih baik dan sedar akan strategi yang digunakan dalam menjawab soalan kefahaman. Murid memerlukan lebih banyak masa untuk memahami kemahiran kefahaman berupa inferens sebelum berupaya memahami kemahiran lain termasuk menganalisis dan menilai. Murid-murid yang dikenal pasti sebagai pelajar visual dapat memahami konsep inferens dan analisis menerusi penggunaan klip-klip video dengan lebih mudah lagi. Penggunaan gambar bongkah ais untuk memperkenalkan strategi A-I-K adalah baik kerana murid dapat mengaitkan visual dengan akronim yang sesuai.

Merujuk pada data SA1, daripada 32 orang murid Darjah 3, hanya 10 orang murid yang mendapat markah penuh bagi bahagian Kefahaman Objektif. Murid tidak dapat melakukan inferens dengan baik mahupun memahami tuntutan soalan. Kegagalan ini berpunca kepada kelemahan murid melakukan pemenggalan teks. Bagi SA2, terdapat peningkatan dalam pencapaian, khususnya bagi soalan kefahaman objektif. Ini menunjukkan strategi A-I-K telah membantu murid memahami isi kandungan teks dengan lebih baik lagi.

**Jadual 3: Markah Keseluruhan Kefahaman Objektif**

Ujian	0 markah	2 markah	4 markah	6 markah	8 markah
Ujian Penggal 1	4	14	14	0	0
SA1	3	7	15	7	0
Ujian Penggal 2	1	4	8	16	3
SA2	2	3	5	12	10

Murid membaca teks dan mampu mengenal pasti idea-idea penting yang kemudiannya dikaitkan dengan soalan. Melalui catatan pada bahagian tepi nombor soalan yang dibuat dalam kertas peperiksaan, guru dapat melihat



bagaimana murid mengaitkan idea-idea penting dalam sesebuah perenggan dengan kehendak soalan. Dengan penggunaan teknik yang terarah dan sistematik ini, kesilapan dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, kesilapan tetap berlaku kerana murid kurang berhati-hati dalam membubuh pilihan jawapan. Pada sisi lain, murid-murid yang tidak melakukan inferens soalan, rata-rata gagal memberikan jawapan yang tepat. Ini membuktikan bahawa pengajaran berstruktur yang menggunakan teknik inferens A-I-K membantu murid mencerakinkan pemikiran lantas memberikan jawapan yang diperlukan.

## KESIMPULAN

Pengajaran kemahiran membaca untuk memahami atau kefahaman haruslah diajar secara bertahap-tahap, daripada yang mudah atau pemahaman secara literal kepada yang lebih mencabar iaitu bercorak inferens dan analisis.

Secara keseluruhannya, objektif kajian telah tercapai, iaitu menjalin kesinambungan idea daripada satu perenggan ke perenggan yang selanjutnya, yang akhirnya mengaitkan pemahaman murid pada keseluruhan kandungan teks. Kajian yang dijalankan ternyata penting. Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan pencapaian bagi bahagian kefahaman objektif.

Guru boleh mengusulkan pelbagai strategi bagi membantu murid menangani teks kefahaman yang akhirnya dapat meningkatkan prestasi dalam peperiksaan peringkat nasional. Namun, setiap murid itu berbeza. Sebagai pendidik yang peka, guru harus dapat mengubah suai strategi-strategi tersebut mengikut tahap pemahaman dan penerimaan murid.

Unit Bahasa Melayu Sekolah Rendah East Coast boleh mengendalikan kursus khas untuk ibu bapa supaya mereka dapat memainkan peranan yang lebih aktif terhadap proses pembelajaran anak-anak khususnya bagi kemahiran membaca untuk memahami.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Cikgu Khairunnisa Mohammed
2. Cikgu Mohd Baeke Muskim
3. Cikgu Mohd Fazli Salleh
4. Cikgu Syu'ib Ahmad

## RUJUKAN

- Brown, Matthew D. (2007) "I'll Have Mine Annotated, Please : Helping Students Make Connections with Texts." Dalam *English Journal*. 66-4. March 2007): 73-78.
- Carol Porter-O'Donnel (2004), *The English Journal* vol 93, No 5, Secondary Readers Reading Successfully (May 2004) pp 82-89.
- Eilers, L.H., & Pinkley, C. 2006. Metocognitive strategies help students to comprehend all texts. *Reading Improvement*, 43(1), 393-447.
- Garner, J.K., & Buchna, C.R. (2004). Transfer of a listening comprehension strategy to independent reading in first-grade students. *Early Childhood Education Journal*. 32, (2), 69-74.
- Johnson, Collen. (2002). '*Drama and Metacognition*', *Early Child Development and Care*, 172:6, 595-602.
- Jonassen D.H. 1996. *Computers in the classroom:mindtools for critical thinking*. New Jersey:Prentice Hall.
- Muslizaira Mustapha (2011). Laporan Kajian Tindakan dalam Pendidikan: *Penggunaan Akronim untuk Meningkatkan Peningatan Fakta*. Malaysia.
- Nicola Yuill dan Jane Oakhill (1991dalam teks1988). *Children's Problems in Text Comprehension: An Experimental Investigation*. Cambridge University Press. New. York.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018), *Amalan Pengajaran Singapura*, Singapura: Oxford Graphic Printers Pte. Ltd.

